

Mersing dalam Konteks Pembangunan Wilayah

Hamzah Jusoh & Habibah Ahmad

Pusat Pengajian Sosial, Pembangunan dan Persekutaran
Universiti Kebangsaan Malaysia
43600, Bangi, Selangor, Malaysia

Alamat emel: hj@ukm.my1; ha@ukm.my2

Pengenalan

Mersing sebuah daerah di negeri Johor, suatu masa dahulu (1960-an dan 1970-an) amat popular dalam media massa dan hiburan penduduk di Tanah Melayu atau Semenanjung Malaysia kerana imejnya yang kaya dengan suasana perkampungan dan kehidupan nelayan yang aman. Bagaimanapun, pergantungan ekonomi yang berterusan kepada sektor tradisi seperti pertanian dan perikanan tidak berupaya melonjak daerah Mersing dalam arus perdana pembangunan masa kini. Ini menyebabkan daerah ini terus tertinggal, dan menjadi daerah yang paling terkebelakang dari segi pembangunan di negeri Johor.

Meskipun daerah Mersing kaya dengan aset pelancongan utama seperti pantai dan pulau, namun sumbangan sektor ini dalam ekonomi Mersing sehingga kini tidak begitu signifikan. Pulau-pulau di sekitar kawasan laut Mersing yang mempunyai keistimewaan tersendiri setakat ini masih tidak mampu bersaing dengan Pulau Tioman dalam menarik para pelancong domestik dan antarabangsa. Kedudukan dan peranan bandar Mersing sebagai ‘transit point’ dan pintu masuk pelancong ke Pulau Tioman tidak memberikan banyak kelebihan kepada Mersing dalam memajukan sektor pelancongan di daerah ini. Malah, daerah Mersing terus diwarnai dengan ciri-ciri tipikal pembangunan di pantai timur Semenanjung Malaysia, sehingga daerah Mersing telah menjadi satu-satunya daerah di Johor yang dimasukkan ke dalam Pelan Pembangunan Wilayah Ekonomi Pantai Timur (ECER). Dalam konteks ini, ketidakseimbangan pembangunan di antara daerah di Johor, terutama di antara Johor Timur dengan Johor Barat dan Selatan semakin ketara, apa lagi dengan kepesatan pembangunan di Wilayah Pembangunan Iskandar. Persoalannya, berupayakah ECER membangun dan menjadikan daerah Mersing setanding dengan daerah-daerah lain di Johor? Atau apakah kesan sebaran daripada pembangunan Wilayah Pembangunan Iskandar yang akhirnya dapat mengangkat daerah Mersing menjadi sebuah daerah yang setanding dengan daerah lain, terutama sekali dengan berkaitan pelancongan di daerah ini?

Senario Pembangunan Semasa Daerah Mersing

Mersing merupakan sebuah daerah di timur laut negeri Johor, terletak di pesisiran Laut Cina Selatan dengan daerah Kluang dan Segamat di baratnya, Kota Tinggi di selatannya dan Pahang di utaranya. Secara tradisi ekonomi daerah ini dijanakan oleh sektor pertanian dan perikanan, tetapi kini mula membangunkan sektor-sektor berdasarkan pelancongan sebagai teras ekonomi baru. Mersing merupakan daerah ke-3 terbesar dari segi keluasan tanah di Johor, iaitu seluas 700,805 ekar atau 283,608 hektar (2,838 kilometer persegi) dan merupakan 14.6% daripada keluasan seluruh Negeri Johor (Jadual 1).

Daerah ini terbahagi kepada 10 mukim, dengan memiliki 73 buah kampung, 4 buah kampung baru dan 36 buah pulau serta 12 buah penempatan FELDA. Bilangan penduduk Mersing pada tahun 2001 adalah seramai 69,947 orang, dengan didominasi oleh kaum Melayu (76%), kemudian diikuti kaum Cina (15%), dan Orang Asli (1.8%) (Jadual 2).

JADUAL 1: Keluasan Mukim di Mersing

Mukim	Hektar	Ekar	Penghulu	Kampung
Mersing	76,147	188,160	1	12
Lenggor	62,938	155,520	—	—
Sembrong	59,830	147,840	—	—
Tenggaroh	17,871	44,160	1	11
Padang Endau	16,317	40,320	1	24
Triang	6,475	36,679	1	11
Jemaluang	12,432	30,717	1	11
Penyabong	10,101	24,956	1	6
Tenglu	16,058	16,000	1	16
Pulau-Pulau	5,439	13,453	1	60
Jumlah	283,608	700,805	8	151

Sumber: Jabatan Perangkaan Negeri Johor 2001

JADUAL 2: Bilangan Penduduk Mengikut Kaum di Daerah Mersing

Kaum	Jumlah Penduduk	Peratus
Melayu	53,160	76%
Cina	10,982	15.70%
India	980	1.40%
Orang Asli	1,260	1.80%
Lain-lain Bangsa	2,375	3.40%
Bukan Bumiputra	1,190	1.70%
Jumlah	69,947	100%

Sumber: Jabatan Perangkaan Negeri Johor (2001)

Pemacu Pembangunan Ekonomi Mersing

Seperti daerah-daerah lain di negeri Johor, Mersing juga telah mengenal pasti beberapa pemacu pembangunan yang diharap boleh membangunkan daerah ini. Secara umumnya sektor perekonomian daerah ini dipacu oleh sektor tradisi iaitu pertanian. Jadual 3 memperincikan taburan industri di daerah ini dalam sisi peratusan KDNK daerah. Pertanian, perhutanan dan perikanan menyumbang lebih 40.7% sementara sektor ekonomi moden seperti pembuatan, pembinaan, perdagangan, runcit, restoran dan hotel masing-masing menyumbang 11.9%, 3.9% dan 14.4%. Walau bagaimanapun perkhidmatan kewangan, insurans, harta tanah dan perniagaan ternyata tidak ketara, dan hanya menyumbang 1.1% sahaja.

Jika dilihat dalam konteks guna tanah (lihat Jadual 4), daerah ini diperuntukkan dengan kawasan rizab yang pelbagai, yang membentuk lebih 68% daripada keseluruhan guna tanah. Pertanian, yang mengambil sebahagian besar daripada guna tanah produktif

JADUAL 3: Taburan Industri di Mersing

Sektor	Peratus
Pertanian, Perhutanan, Perikanan	40.7%
Perlombongan & Kuari	0.1%
Pembuatan	11.9%
Elektrik, gas dan air	0.7%
Pembinaan	3.9%
Perdagangan borong, runcit, restoran dan hotel	14.4%
Pengangkutan dan perhubungan	4.2%
Perkhidmatan kewangan, insurans, harta tanah dan perniagaan	1.1%
Perkhidmatan masyarakat, sosial dan persendirian	22.2%
Industri yang tidak jelas	0.8%
Jumlah	100.0%

Sumber: Pejabat Daerah Mersing, 2009

JADUAL 4: Guna Tanah di Daerah Mersing, pada Kedudukan Tahun 2009

Jenis Guna Tanah	Keluasan (Ha)	Peratus
Pelbagai Rizab	194,759.31	68.67%
Pertanian	52,199.30	18.41%
Industri	5,702.04	2.02%
Bangunan	210.15	0.07%
Tanah Kerajaan	30,737.20	10.83%
Jumlah	283,608.00	100%

Sumber: Pejabat Daerah Mersing, 2009

utama membentuk sekurang-kurangnya 18% daripada keseluruhan guna tanah di Mersing, sementara guna tanah industri dan bangunan masing-masing membentuk 2% dan 0.07%. Ini menunjukkan bahawa kepesatan pembangunan di Mersing agak perlahan. Daerah Mersing masih lagi diwarnai dengan ciri-ciri pembangunan yang agak ketinggalan, dengan dominasi sektor primari dan sekunder yang masih ketara.

Berkait rapat dengan guna tanah dan kawasan pemajuan adalah sumbangan sektor-sektor ini dalam menjana peluang pekerjaan kepada penduduk di daerah ini. Daripada Jadual 3, sektor pertanian, perhutanan dan perikanan menawarkan guna tenaga yang terpenting di daerah ini iaitu merangkumi kira-kira 41% pekerjaan. Sumber guna tenaga yang kedua terpenting adalah dalam sektor perkhidmatan masyarakat (22.2%), perdagangan borong/runcit, restoran dan perhotelan (14.4%) diikuti sektor pembuatan (11.9%).

Sektor pekerjaan pertanian, tender, perhutanan, nelayan, dan pemburu menjadi sektor ekonomi utama di Mersing, menyumbang sebanyak 42.6% daripada keseluruhan ekonomi Mersing. Sementara pekerjaan pengeluaran (20%), perkhidmatan (10.5%), profesional dan teknikal (8.9%), pekerja jualan (9.4%) dan perkeranian (5.0%) (Jadual 5). Berdasarkan sektor pekerjaan, dijangkakan bahawa sebahagian besar daripada penduduk Mersing berada dalam kategori berpendapatan sederhana sahaja. Golongan pengurusan dan profesional yang agak terhad juga membayangkan kekurangan kepelbagaiannya aktiviti ekonomi di bandar Mersing.

Sebagai sebuah daerah di negeri Johor, Mersing juga menerima input pembangunan daripada kerajaan negeri. Projek-projek ini sebenarnya berupaya memberikan kesan kepada Mersing terutama dalam konteks penjanaan ekonomi lokal. Sebagai sebuah kawasan yang kaya dengan aset pelancongan, pembangunan pelancongan juga diberikan tumpuan. Salah satu daripadanya ialah pembinaan kem ketenteraan. Secara langsung satu niches pelancongan baru boleh dibangunkan, iaitu ‘pelancongan ketenteraan’. Ia boleh dijadikan satu niches Mersing yang diharapkan dapat menjana ekonomi tempatan. Niches ini boleh dikembangkan dengan adanya beberapa kem tentera dan kem pembangunan insan, seperti kem Iskandar, kem Sekakap dan kem PLKN (Jadual 6).

JADUAL 5: Peratusan Penduduk Daerah Mersing Mengikut Jenis Pekerjaan

Jenis Pekerjaan	Peratus
Pekerja Profesional dan Teknikal	8.9%
Pekerja Pentadbiran dan Pengurusan	0.9%
Pekerja Perkeranian	5.0%
Pekerja Jualan	9.4%
Perkhidmatan	10.5%
Pekerja Pertanian, Tender, Perhutanan, Nelayan, Pemburu	42.6%
Pekerja Pengeluaran	22.4%
Pekerjaan yang tidak jelas	0.3%
Jumlah	100.0%

Sumber: Pejabat Daerah Mersing

JADUAL 6: Kem-kem Pembangunan Insan di Mersing

Kem	Keterangan
Kem Iskandar	Pembinaan kem ini dirancang oleh Markas Tentera Darat pada tahun 1981. Kem ini bertujuan untuk menempatkan Markas 21 Gerup Gerak Khas dan sebahagian besar pasukan di bawah naungannya. Pembinaan Kem Iskandar fasa 1 telah dimulakan pada 1 Mac 2001. Secara umumnya kem ini meliputi kawasan seluas 920 hektar (2,105 ekar), dibeli oleh Kementerian Pertahanan Malaysia dari Kerajaan Johor. Pada dasarnya Kerajaan Johor telah meluluskan kawasan seluas 5,000 hektar (15,686 ekar) yang terletak di selatan kem untuk dijadikan sebagai kawasan ‘dry manuever area’. Permohonan ini sedang dilaksanakan oleh pihak Kementerian Pertahanan Malaysia. Kem ini terletak di pesisiran pantai kira-kira 16 km ke selatan bandar Mersing, dihubungkan dengan menggunakan dua jalan raya berturap. Kawasan ini dijadikan kem sebuah pasukan khusus kerana lokasinya strategik dengan ciri-ciri alam semula jadi yang bercirikan paya, resam, hutan, sungai dan laut serta pulau-pulau sekitarannya sesuai sebagai kawasan latihan lanjutan dan kepakaran unit gerak khas. Ini bertepatan dengan modus operandi Gerup Gerak Khas.
Kem Sekakap	Pada Mac 1974, Kerajaan Johor telah mengadakan satu kursus ala tentera anjuran 7 Briged, Kem Mahkota Kluang untuk 60 beliawanis bertempat di tanah rancangan Bukit Mambai, Segamat. Latihan tersebut bertujuan untuk memupuk disiplin dan semangat ketabahan fizikal dan mental. Program ini telah memberi ilham kepada YB Menteri Besar Johor ketika itu untuk menubuhkan satu pusat latihan, yang membolehkan semua pegawai dan kakitangan kerajaan mendapat latihan seumpama ini. Pada 30 Mei 1974, penubuhan pusat latihan ini dibincangkan dalam satu taklimat dan kertas penubuhannya dipersekutui oleh Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri. Pembinaannya bermula pada bulan Julai 1974 oleh Skuadron ke-5 Rejimen Askar Jurutera Diraja. Kompleks pusat latihan ini terletak berhampiran muara sungai Jemaluang di tepi pantai mengadap Laut Cina Selatan. Luas kawasan adalah 123 ekar dan banyak ekar telah dibangunkan dan bakinya dijadikan kawasan hutan untuk latihan. Kem ini telah dapat disiapkan pada pertengahan bulan Oktober 1974 dengan kos perbelanjaan sejumlah RM 204,000.
Pusat Bina Semangat	Pusat Bina Semangat mula menjalankan kursus pertamanya pada 2 November 1974, melibatkan 29 peserta terdiri daripada pegawai tadbir negeri dan pegawai persekutuan yang berkhidmat di negeri Johor. Para belia juga telah mengikuti kursus di sini. Kem ini dirasmikan oleh Perdana Menteri Kedua YAB Tun Abd Razak bin Dato' Hussin pada 16 Mei 1975. Pada September 1998, Kumpulan Pendidikan YPJ Sdn Bhd; anak syarikat milik penuh Yayasan Pelajaran Johor, mengambil alih pengurusan Pusat Membina Semangat di bawah unit Pusat Kecemerlangan Pembangunan Insan YPJ (PKPI). Sehingga kini pusat

ini telah melatih lebih 50,000 pegawai dan kakitangan kerajaan negeri dan persekutuan; kakitangan sektor perindustrian; pertubuhan bukan kerajaan; pertubuhan sukarela; pasukan keselamatan; pelajar-pelajar IPTA, IPTS; dan pelajar sekolah menengah dan rendah. Kem ini ditubuhkan bertujuan: memupuk semangat patriotisme di kalangan peserta khususnya generasi muda Malaysia. Program ini juga bertujuan memupuk perpaduan kaum serta integrasi nasional, membentuk perwatakan positif menerusi nilai-nilai murni di samping menyemarakkan semangat kesukarelaan.

Kem PKLN Telok Sari Kem ini telah memulakan sesi Program Latihan mulai 16 Februari 2004 dan ianya telah dibuka dengan rasminya oleh Y.A.B. Menteri Besar Johor pada 19 Januari 2005. Merupakan sebuah tapak tanah pertanian seluas 17 ekar yang telah di bangunkan secara berperingkat-peringkat iaitu terdiri daripada bangunan khemah kepada bangunan kekal. Kem ini berfungsi sebagai sebuah Kompleks Institusi Pusat Latihan yang boleh dimanfaatkan untuk tujuan kegiatan latihan, sosial dan kemasyarakatan, pusat ceramah dan motivasi, pusat mangsa banjir dan lain-lain lagi. Pusat ini mempunyai kekuatan 17 anggota (Tentera dan Awam). Kem Teluk Sari terletak berhampiran Pantai Teluk Sari yang ceteak dan landai serta sebuah kem yang terbaik di negeri Johor.

Sumber: Pejabat Daerah Mersing, 2009

Pembangunan Pelancongan dan Ekonomi Bandar

Mersing juga mempunyai aset pelancongan yang boleh diterokai. Kedudukan Mersing di timur laut Negeri Johor dan juga di pesisiran Laut China Selatan membolehkan daerah ini menjadi tumpuan pelancong sama ada dari dalam dan luar negara. Pesisiran pantai yang cantik menjadi aset utama bandar ini bagi tujuan pelancongan. Bandar ini mempunyai banyak tempat-tempat peranginan pesisiran pantai yang indah seperti Pantai Air Papan, Pantai Penyabong, Pantai Pasir Lanun, Pantai Tanjung Leman, Pantai Tanjung Resang dan Pantai Sekakap. Kini, kesemua pantai ini telah dilengkapi dengan pelbagai kemudahan seperti chalet, tempat letak kereta, gerai-gerai, tapak perkhemahan dan tandas bagi tujuan menarik minat pengunjung yang berkunjung ke sini (Jadual 7).

Sebagai sebuah daerah yang agak jauh daripada pengaruh Johor Bahru, ekonomi bandar Mersing tidaklah sebegitu pesat. Dengan jumlah penduduk yang agak kecil, ekonomi bandar ini dipacu oleh beberapa peneraju utama bersaiz sederhana terutama dalam sektor peruncitan. Sehingga kini, pasaraya yang beroperasi di sini adalah seperti Parkson Ria, Giant dan beberapa premis cenderamata untuk pelancong. Sementara itu, beberapa kemudahan pelancongan juga ditempatkan di sini, antaranya pusat penerangan pelancongan, kaunter tiket feri dan pusat penerangan Taman Laut.

MERSING DALAM KONTEKS PEMBANGUNAN WILAYAH

JADUAL 7: Beberapa Pemacu Ekonomi Bandar

Aspek Pemacu	Pemacu Utama
Ekonomi bandar	Mersing merupakan sebuah pekan bertaraf dua bintang dan ekonomi bandarnya tidak sebegitu pesat. Umumnya ekonomi bandar memperlihatkan kegiatan peruncitan, perdagangan dan perindustrian.
Produk Pelancongan	Pulau: Pulau Rawa, Pulau Tinggi, Pulau Sibu, Pulau Besar, Pulau Penyabong
Pantai Peranginan	Pantai Air Papan, Pantai Tanjung Leman
Rizab Hutan	Taman Negara Endau – Rompin
Kemudahan Pengangkutan	Perhentian Bas dan Teksi; Bas Ekspress, Bas Berhenti; Terminal Bot Mersing, Terminal Bot Tanjung Leman
Assessibiliti	Perkhidmatan Bas Ekspress (5 buah syarikat) dari Kuala Lumpur, Singapore & Kuantan; Perkhidmatan Teksi
Kemudahan Perbankan	7 buah bank utama
Kemudahan Pendidikan	1 buah MRSM, 1 buah ILP, 10 buah Sek. Menengah, 35 Sek. Rendah Kebangsaan & Jenis Kebangsaan, 31 buah Sek. Agama & Arab, 11 buah Darjah Khas.
Kemudahan Penginapan	12 buah hotel; kelas budget hingga bertaraf 3 bintang 15 Chalet 26 resort pelbagai saiz,
Operator Bot dan Agensi Pelancongan	12 operator 15 buah agensi
Pasaraya Utama	Parkson Ria & Giant; sementara Parkson Ria, Jalan Ismail, Mersing Mini Market, Jalan Ismail, 1 Dinar Craft, Plaza R & R, Shalina's Craft, Plaza R & R, Perniagaan Hasil Laut Hong, 10 E, Jalan Jemaluang, Omar Giveshop, Jalan Abu Bakar, Giant Mersing, Jalan Ismail, Mini Mart, Jalan Ismail
Pusat Penerangan Pelancongan	Mersing Tourist Information Centre Plaza R & R Kaunter Tiket Feri Pusat Penerangan Taman Laut

Sumber: Pejabat Daerah Mersing, 2009

Posisi Mersing dalam Konteks Pembangunan Wilayah

Usaha-usaha untuk membangunkan daerah Mersing perlu dilihat dalam konteks yang lebih luas, terutama sekali pembangunan-pembangunan di sekitar daerah ini, sama ada pada masa lampau ataupun akan datang. Ini disebabkan kelestarian pembangunan daerah Mersing bergantung kepada tahap, jenis dan trend pembangunan di kawasan sekitar. Sementara kelestarian ekosistem marin pula bergantung kepada pembangunan Mersing, sama ada secara fizikal, sosial dan ekonomi. Projek-projek pembangunan ini secara langsung atau tidak langsung telah dan akan mempengaruhi Mersing dalam pelbagai aspek. Beberapa pembangunan utama di sekitar daerah Mersing adalah:

i. Lembaga Kemajuan Pahang Tenggara (DARA)


DARA ditubuhkan pada 14 September 1971, dengan matlamat memberikan kehidupan baru kepada sebahagian besar rakyat Pahang melalui pembukaan kawasan pertanian moden dan perindustrian serta bandar baru. Projek pembangunan ini yang terletak bersebelahan dengan daerah Mersing tidak dapat tidak telah mempengaruhi pembangunan di daerah ini. Tanpa adanya projek pembangunan yang khusus di Mersing, wujud perbezaan tahap pembangunan yang ketara di dua daerah yang berhampiran. Kesan sebaran dan limpahan dari pembangunan DARA terhadap Mersing tidak begitu ketara. Sehingga kini Mersing masih kekal dengan ciri-ciri pembangunan sejak tahun 1970-an lagi, sekali gus membuktikan terhadnya kesan limpahan tersebut. Meskipun DARA telah pun dibubarkan pada tahun 1990, namun pembangunan yang berlaku dan berterusan di daerah DARA telah mewujudkan jurang ketidakseimbangan pembangunan yang ketara.

ii. Lembaga Kemajuan Johor Tenggara (KEJORA)

Dengan penubuhan KEJORA, wilayah Johor Tenggara telah membangun dengan kadar yang lebih pesat. Pembukaan ladang-ladang kelapa sawit dan pembangunan bandar baru di kawasan KEJORA telah berjaya mengurangkan ketidakseimbangan ekonomi, mewujudkan peluang pekerjaan dan mempercepatkan pertumbuhan ekonomi di Wilayah Johor Tenggara. KEJORA meliputi 16% kawasan Negeri Johor dengan jumlah kluasan 300,111 hektar. Terbagi dua wilayah kecil iaitu Johor Tengah (149,009 hektar) dan Pengerang (151,356 hektar). KEJORA terletak di dua daerah iaitu Kota Tinggi (75.5%) dan Kluang (24.5%).

Sebagai sebuah daerah yang terletak bersebelahan dengan daerah Mersing, kepesatan pembangunan di KEJORA memberikan tekanan kepada Mersing dalam konteks pembangunan. Sebahagian kecil penduduk Mersing bermigrasi ke kawasan KEJORA bagi tujuan mencari peluang pekerjaan. Sementara penduduk dari luar daerah Mersing seperti dari Terengganu dan Kelantan telah berhijrah masuk ke Mersing, bagi mengisi kekosongan pekerjaan terutama dalam sektor perikanan. Pendominasian penduduk migran di Mersing dalam jangka masa panjang tidak memberi keuntungan kepada Mersing, kerana sebahagian besar pendapatan mereka dihantar ke kawasan asal sebagai *remittance*, yang merupakan kebocoran sumber ekonomi kepada daerah ini.

Berdasarkan fungsi KEJORA bagi memperkuatkan lagi pembangunan bandar-bandar baru, bertujuan menampung pertumbuhan penduduk dan melaksanakan obligasi



RAJAH 1: DARA dan Guna Tanah Utama

sosial dan ekonomi serta membangunkan daya saing serta daya keluaran yang lebih tinggi, sudah tentu ketidakseimbangan antara daerah menjadi semakin ketara. Daerah Mersing terus tertinggal, tanpa adanya satu projek pembangunan yang signifikan bagi memacu pertumbuhan ekonominya sendiri.

Mersing dan Wilayah Pembangunan Iskandar


Pembangunan pesat di Wilayah Pembangunan Iskandar (WPI) yang merangkumi kawasan seluas 2,217 km persegi, iaitu 3 kali ganda keluasan Singapura, diharapkan memberi impak yang besar kepada pembangunan negeri Johor secara keseluruhannya. Pelan pembangunannya yang berbentuk segi tiga, di antara Lapangan Terbang Senai di utara, Pelabuhan Tanjung Pelepas (PTP) di barat daya dan Pelabuhan Pasir Gudang (PPG) di tenggara telah memacu secara drastik pembangunan di wilayah Johor Selatan, dan meninggalkan wilayah lain di Johor.

Iskandar Malaysia dirancang dan diposisikan sebagai bandar raya antarabangsa bagi mengurangkan halangan perdagangan dan meningkatkan mobiliti sumber manusia dan aliran kewangan antarabangsa, yang begitu besar mempengaruhi aktiviti firma-firma besar antarabangsa. Tempoh pembangunan kawasan itu adalah sehingga tahun 2025 dan memerlukan kos lebih RM47 bilion untuk menjana pertumbuhan ekonomi sebanyak 8% dalam tempoh lima tahun yang pertama. Dijangkakan WPI menjadi sebuah pusat pertumbuhan yang terbesar di rantau ini.

Perhatian khusus kerajaan negeri dalam membangun selatan Johor kepada sebuah bandar raya metropolis tidak dapat tidak memperluaskan jurang ketidakseimbangan antara wilayah di Johor. Impaknya lebih ketara dialami oleh daerah Mersing, terutama tanpa kewujudan satu pemacu pembangunan yang berdaya saing di daerah tersebut. Kepesatan pembangunan Iskandar Malaysia ini sudah pasti memberi implikasi langsung dan tidak langsung kepada daerah Mersing. Penumpuan dana pembangunan ke WPI sudah pasti membantutkan pembangunan kawasan lain, walaupun dikatakan dana pembangunan bagi wilayah ini datangnya daripada pelaburan luar.

Sejauh manakah Iskandar Malaysia boleh memberi kesan kepada Mersing? Penumpuan pembangunan ke wilayah Johor Selatan terutama Iskandar Malaysia secara langsung atau tidak langsung telah menyebabkan dana pelaburan pembangunan turut tertumpu ke wilayah ini. Dari satu sudut, penumpuan dana pembangunan ini secara langsung akan memperluaskan lagi jurang ketidakseimbangan antara daerah di Johor. Dari sudut yang lain pula, wilayah-wilayah lain di Johor termasuk daerah Mersing diharap akan mendapat limpahan pembangunan daripada wilayah ini, terutama dengan kehadiran penduduk *expatriate* dan keperluan mereka dalam konteks pelancongan dan penjanaan peluang-peluang pekerjaan di wilayah ini kepada penduduk tempatan. Namun realitinya, trend pekerjaan di Wilayah Pembangunan Iskandar sebahagian besarnya didominasi oleh pekerja asing, justeru penglibatan penduduk tempatan dalam pembangunan di Wilayah Pembangunan Iskandar sebenarnya agak terhad.

Persoalan yang masih belum terjawab sehingga kini, apakah Wilayah Pembangunan Iskandar ini mampu menjanakan pembangunan ke kawasan sekitarnya, termasuk sehingga merentasi daerah Mersing? Meneliti pelan pembangunan Wilayah Pembangunan Iskandar, sebahagian besar daripada pemacu pertumbuhan bersifat *exogenous*. Para pemajunya terdiri daripada pelabur asing, dan pembeli harta tanah di wilayah tersebut juga sebahagian besarnya adalah pembeli asing. Pembangunan di wilayah ini dicirikan oleh tahap kebergantungan kepada pelaburan luar, satu fenomena yang menyerupai fenomena pembangunan di bandar raya Dubai. Pelaburan sebegini dikatakan tidak bersifat *asli*, lebih bersifat spekulatif sehingga menyebabkan ketidaktentuan dalam pasaran nilai harta tanah dan pembangunan. Kebergantungan ini sangat tertakluk kepada persekitaran ekonomi global. Sebarang perubahan negatif di peringkat global secara langsung memberi kesan kepada pembangunan di wilayah ini, dan seterusnya menjelaskan kesan sebarannya kepada kawasan sekitar.



RAJAH 2: Wilayah Pembangunan Iskandar

Pengaruh Singapura Sebagai Sebuah Bandar Raya Global Terhadap Mersing

Kedudukan Johor yang berjiran dengan Singapura menjadikan pembangunan negeri Johor dan daerah-daerannya tertakluk kepada tahap dan perkembangan pembangunan yang berlaku di negara Singapura. Singapura kini merupakan salah sebuah negara yang mempunyai ekonomi termaju bukan sahaja di Asia, malah di dunia. Dengan anggaran penduduk sebanyak 4.2 juta (2005), KDNKnya mencecah US\$127 bilion. Pendapatan per kapita dianggarkan sebanyak USD29,936 (2005), tiga kali ganda KDNK per kapita Malaysia (USD10,318). Namun begitu, Singapura telah mencapai had fizikalnya, sama ada ruang kelautannya atau ruang pesisir pantainya. Strateginya kini adalah memindahkan pembangunan industri bernilai tambah rendah dan berintensif buruh dan tanah ke Johor dan Batam, melalui kerjasama IMS-GT, dan mengambil kesempatan daripada sumber-sumber tanah yang lebih banyak yang ditawarkan oleh Johor dan Kepulauan Riau. Selain itu, wilayah-wilayah kejiranannya juga menjadi destinasi utama penduduk Singapura dalam menghabiskan masa cuti dan rekreasi, melancong ke pulau-pulau dan resort di sepanjang pantai timur Johor.

Kemasukan secara berterusan pelancong Singapura ke Johor telah menyebabkan kos hidup di Johor meningkat secara mendadak. Nilai harta tanah menjangkau satu paras yang tidak termampu lagi dicapai oleh penduduk tempatan, terutama di Wilayah Pembangunan Iskandar dan di kawasan sekitar Johor Bahru. Insentif pemilikan harta tanah dalam kalangan warga asing di Malaysia membuka ruang yang begitu luas kepada golongan ini menguasai pasaran harta tanah di Johor, seterusnya mewujudkan satu senario spekulasi nilai harta tanah yang begitu kritikal di Johor. Selain menafikan hak pemilikan harta tanah di kalangan warga tempatan, senario ini pastinya mewujudkan '*state in the state*' yang boleh menimbulkan pelbagai masalah pada masa hadapan. Polisi-polisi pembangunan yang bersifat '*urban bias*' kepada wilayah selatan Johor ini meninggalkan impak negatif kepada wilayah-wilayah mundur yang lain, termasuk Mersing. Dijangkakan permintaan terhadap aktiviti pelancongan semakin tinggi, terutama sekali di Pulau Tioman, namun bandar Mersing masih tetap menjadi sebuah 'transit point' kepada kemasukan para pelancong ini. Selain itu, berdasarkan kerjasama ekonomi antara Johor dan Singapura dalam konteks IMT-GT dan SIJORI, Johor yang terletak lebih dekat dengan Singapura sepatutnya menerima limpahan pembangunan yang berupaya membangunkan seluruh negeri Johor. Namun, sejauh manakah IMS-GT memberi manfaat kepada Johor, terutama daerah Mersing, yang agak terpisah jauh ke timur laut Johor? Adakah sebagai kawasan tampungan bagi tujuan pelancongan penduduk dari Singapura, yang cuba memenuhi konsep pembangunan yang bersifat saling melengkapi (*complementarity*), mempergunakan gabungan kedekatan geografi (*geographical proximity*) dan pelengkap ekonomi (*economic complementarity*) atau lebih bersifat eksplotatif?

Masa Depan Mersing dalam Pembangunan Wilayah Ekonomi Pantai Timur (ECER)

Posisi pembangunan daerah Mersing yang hampir setara dengan negeri-negeri di Pantai Timur seperti Kelantan, Terengganu dan Pahang menjadikan Mersing satu-satunya daerah di Johor yang dimasukkan dalam ECER. Beberapa indeks pembangunan fizikal, sosio-budaya dan ekonomi serta penduduk Mersing memperkuatkhan tanggapan ini. Dalam pelan pembangunan ECER, aset pembangunan utama Mersing adalah sektor pelancongan, terutama ekopelancongan berteras pulau dan pantai. Dalam konteks ini, Mersing akan dibangunkan dengan kemudahan pelancongan termaju, sementara pulau-pulau di Mersing pula dibangunkan sebagai destinasi percutian utama, yang membolehkan lebih ramai pelancong menikmati kecantikan asli pulau dan pantai tersebut.

Di samping itu, bandar Mersing akan dibangunkan sebagai pintu masuk ke kepulauan sekitar, seperti Pulau Besar, Pulau Rawa, Pulau Aur, Pulau Sibu dan Pulau Pemanggil, selain sebagai pintu masuk ke Pulau Tioman di Pahang. Mersing juga diharap terus memainkan peranan utama sebagai pusat ekopelancongan, memandangkan aksesibilitinya kepada Taman Negara Endau-Rompin. Keberkesanan Mersing dalam melaksanakan peranan ini diperkuatkhan dengan cadangan pembinaan lebuh raya yang menghubungkan Mersing dengan Lebuh Raya Pantai Timur, dan juga projek penatarafan jalan pesisir pantai. Beberapa cadangan lain dikemukakan dalam pelan pembangunan ECER, bertujuan

meningkatkan lagi aksesibiliti dan kemudahan di Mersing. Strategi pembangunan ini diperkuuhkan dalam konteks Pelan Spatial Negara 2020. Ini diharap akan dapat menarik lebih ramai pelancong, bukan sahaja pelancong tempatan tetapi juga pelancongan asing, terutama dari Singapura.

Namun persoalannya, sejauh mana strategi yang dirangka dalam pelan pembangunan ECER ini direalisasikan? Dengan berlakunya pemindahan kuasa kepada Perdana Menteri yang baru, ramai berpandangan bahawa strategi pembangunan era Perdana Menteri yang lalu tidak lagi menjadi prioriti kerajaan di bawah Perdana Menteri yang baru (YAB Dato' Seri Najib Tun Abd. Razak). Pun begitu dengan Timbalan Menteri adalah anak negeri Johor, keadaan ini menimbulkan dua situasi iaitu ketidaktentuan dan harapan cerah untuk membangun Mersing.

Isu-isu Pembangunan di Daerah Mersing


Di daerah Mersing, bandar Mersing merupakan bandar utama di daerah ini. Selain daripada menjadi pusat pentadbiran daerah Mersing, bandar ini juga menjadi pusat perkhidmatan kepada penduduk dan merupakan pelabuhan perikanan utama di daerah ini. Bandar Mersing juga menjadi “gateway” dalam kalangan pelancong yang ingin berkunjung ke beberapa destinasi pelancongan yang popular di pantai timur Semenanjung Malaysia, terutama sekali Pulau Tioman. Selain itu, Taman Negara Endau-Rompin juga menjadi tarikan kepada para pelancong. Namun begitu, walaupun daerah Mersing mempunyai lebih daripada 40 buah pulau di Seribuat Arcipelago, namun kunjungan pelancong ke pulau-pulau ini agak terbatas. Sebahagian besar pelancong lebih bertumpu ke Pulau Tioman, walaupun pulau-pulau utama di daerah Mersing seperti Pulau Sibu, Pulau Tinggi dan Pulau Besar memiliki keistimewaan-keistimewaan tertentu.

Sebahagian besar pelancong yang berkunjung ke pulau-pulau dan kelautan di daerah Mersing lebih berminat untuk menyertai aktiviti memancing, terutama di kelong-kelong di sekitar kelautan Mersing. Sejauh mana Mersing mendapat manfaat daripada perkembangan pesat industri pelancongan di pantai timur Semenanjung Malaysia ini? Penutupan operasi sebuah resort pelancongan di Pulau Tinggi membuktikan bahawa perkembangan sektor pelancongan di daerah Mersing tidak menggalakkan, apa lagi apabila daerah kelautan dan kepulauan Mersing diisyiharkan sebagai kawasan Taman-Taman Laut. Pengisytiharan ini telah memberi kesan kepada komuniti yang menghuni pulau-pulau di kelautan Mersing, yang menjadi sebahagian daripada sumber tarikan pelancongan di daerah Mersing.

Dalam membincangkan soal kemunduran daerah Mersing dari arus perdana pembangunan, beberapa isu boleh dibangkitkan, terutama yang mempengaruhi perkembangannya.

- i. Pertanian dan perikanan menjadi sektor ekonomi utama di Mersing, yang menjanakan pendapatan penduduk yang rendah. Pengdominasian sektor-sektor ini seterusnya menyebabkan berlakunya migrasi keluar yang tinggi, ekoran kadar pertumbuhan pekerjaan dan aktiviti industri yang rendah.

PENYELIDIKAN PANTAI TIMUR JOHOR: MERSING WARISAN TERPELIHARA



RAJAH 3: ECER dan Koridor Tempatan

- ii. Dalam Daerah Mersing pula, sebahagian besar infrastruktur dibangunkan di Mukim Mersing, menggambarkan wujudnya ketidakseimbangan intra daerah Mersing. Berdasarkan Rancangan Tempatan Bandar Mersing (1999-2010), hanya 25% tanah di daerah Mersing sesuai untuk pembangunan, termasuk tanah pertanian yang tidak digazetkan sebagai rezab pertanian. Sementara itu, sebahagian besar tanah di pesisir pantai sekitar bandar Mersing adalah tanah pertanian, dengan klasifikasi kesesuaian tanah Kelas 1 dan 2. Sebahagian besar tanah di Teluk Mersing dan Air Papan adalah tanah Rezab Melayu. Ia diperuntukkan sebagai Prime Agriculture Area (PAA) dalam Rancangan Fizikal Negara, dan tidak dibenarkan tanah tersebut ditukarguna kepada tanah bandar.
- iii. Pada masa kini, sebahagian besar pembangunan Johor bertumpu di sekitar wilayah selatan Johor, terutamanya di daerah Johor Bahru dan Wilayah Pembangunan Iskandar. Keadaan ini jelas memperlihatkan ketidakseimbangan pembangunan dan kadar pembandaran di antara daerah di Johor.
- iv. Kedudukan Mersing yang begitu terpisah dengan jarak perjalanan darat yang lama, iaitu lebih daripada 2 jam dari Johor Bahru dan 1.5 jam dari Air Hitam melalui Lebuhraya Utara-Selatan secara langsung tidak menggalakkan kedatangan pelabur dalam sektor-sektor utama di Mersing. Sistem jalan raya yang agak ketinggalan



RAJAH 4: Rangka Kerja Rancangan Fizikal Negara 2020

dan kadangkala berbahaya mengurangkan lagi minat para pelabur untuk menerokai peluang-peluang dalam sektor industri dan pelancongan

Rumusan dan Cadangan

Mersing sehingga kini masih kekal dengan ciri-ciri sebuah kawasan yang terpinggir dari arus pembangunan semasa, walaupun Johor merupakan antara negeri termaju di Malaysia. Mersing masih jelas memperlihatkan status pembangunan seperti di negeri-negeri mundur di Semenanjung Malaysia. Strategi-strategi pembangunan yang dirancang cenderung kepada mengekalkan aset pembangunan semula jadi yang masih boleh dipersoalkan daya saingnya. Kehebatan pembangunan sekitar tidak berupaya mengubah senario kemunduran di Mersing. Justeru itu, strategi-strategi pembangunan yang lebih drastik dan berani, tanpa mengorbankan penduduk tempatan sangat diperlukan dan berteraskan niches Mersing.

Dalam konteks masa kini, pengintegrasian ilmu sains dan sosial dalam mengurus secara lestari sesbuah daerah amat digalakkan. Salah satu inisiatif yang digerakkan oleh Universiti Kebangsaan melalui penubuhan Pusat Penyelidikan Marin, UKM adalah di antara sebahagian daripada institusi pengajian tinggi yang berhasrat menggembung pendekatan dan pencarian baru niches Mersing dalam pelbagai aspek persekitaran dan kesejahteraan penduduk.

Selain itu, usaha mengenal pasti niches utama Mersing dalam era global ini perlu diberikan perhatian segera. Apakah ekopelancongan atau pelancongan mega yang perlu ditonjolkan di Mersing? Selain itu, beberapa pertimbangan yang bersifat perancangan strategik wajar mengambil kira:

- i. Faktor domestik Mersing, faktor persekitaran dan faktor luaran dalam pembangunan wilayah ECER.
- ii. Faktor spatial atau ruang yang berkembang di sekitarnya.
- iii. Faktor modal insan luar bandar yang masih didominasi sektor pertanian.
- iv. Pertimbangan sama ada modal domestik atau modal luaran yang sewajarnya dibawa masuk untuk membangun Mersing pada masa kini dan juga akan datang.

Inilah sebahagian daripada persoalan dan pertimbangan yang wajar mendasari pembangunan Mersing seterusnya.

Rujukan

- Alden, J.D. & Azman Awang. 1985. Regional development planning in Malaysia. *Regional Studies*, 1360-0591, Volume 19, Issue 6, 1985, pp 495-508.
ADB. 2009. Indonesia-Malaysia-Singapore Growth Triangle (IMS-GT)
Hamzah Jusoh. 1992. The application of Williamson's Hypothesis to Regional Development in Malaysia. In Mohd Yaakub Hj. Johari. *Regional Development in Malaysia: Issues and Challenges*. Kota Kinabalu: Konrad Adenauer Foundation & Institute For Development Studies (Sabah).

MERSING DALAM KONTEKS PEMBANGUNAN WILAYAH

- Hamzah Jusoh. 1995. Regional Economic Inequalities and Regional Development in Malaysia: A Case of Terengganu State. *Asian Profile*, Vol. 23, No. 2
- Jabatan Perancangan Bandar dan Desa, 200x. National Physical Pelan. Kuala Lumpur. Pejabat Daerah Mersing, 2009. <http://www.johordt.gov.my/pdmersing/>
- Jose Antonio Ocampo & Rob Vos, (eds.). 2008. Uneven Economic Development. London: Zed Books.
- Lembaga Kemajuan Johor Tenggara (KEJORA). 2009. <http://www.kejora.gov.my/>
- Majlis Daerah Mersing. 2009. <http://www.mdmersing.gov.my/>
- M. Bakri Musa. 2007. *Towards A Competitive Malaysia: Development Challenges in the 21st Century*. Petaling Jaya: Strategic Information and Research Development Center.
- Myrdal, G. 1968. *Asian Drama: An Inquiry into the Poverty of Nation*. Vol. 1. Middlesex: Penguin Books
- Mittelman, James, H. 2000. *The Globalization Syndrome*. Princeton: Princeton University Press.
- Rod Burgess, Marisa Carmona & Theo Kolstee, 1997. *The Challenge of Sustainable Cities: Neoliberalism and Urban Strategies in Developing Countries*. London: Zed Books.
- Regner, P. 1992. *Singapore: City-State in South-East Asia*. Kuala Lumpur: S.Abdul Majeed & Co.
- Schatzl, L.H. ed. 1988. Growth and Spatial Equity in West Malaysia. Singapore: Institute of Southeast Asian Studies.
- Wilayah Pembangunan Iskandar. 2009. <http://www.wpi.com.my/>
- Wilayah Ekonomi Pantai Timur (ECER). 2009. <http://www.ecerdc.com/>